

# Isu rundingan FTA masih diperhalusi

BH-9/3/2007.

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan Malaysia masih menghalusi isu yang dibangkitkan dalam rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Amerika Syarikat dengan matlamat akhir ia mampu memberi manfaat kepada rakyat.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mahu memastikan hasil yang terbaik untuk negara dan rakyat walaupun rundingan itu dijangka berakhir tiga minggu lagi.

Abdullah berkata demikian ketika ditanya sama ada tempoh mencukupi kerana rundingan itu dijangka dimuktamadkan 31 Mac ini, sedangkan kedua-dua pihak masih belum sepakat berhubung 18 isu yang dianggap sensitif.

"Perkara paling penting ialah memastikan kita akan mencapai apa terbaik bagi Malaysia," katanya selepas merasmikan majlis pecah tanah projek perumahan bersepadu Pantai Sentral Park, di Pantai Dalam, di sini, semalam.

Malaysia dan Amerika Syarikat sudah mengadakan beberapa pusingan perundingan dalam masa setahun lalu dengan terbaru, di Kota Kinabalu, Sabah, bulan lalu.

18 isu dalam rundingan itu meliputi barangan perindustrian, tekstil dan pakaian, prosedur kastam, hak harta intelek, pertanian, perkhidmatan kewangan, telekomunikasi, alam sekitar dan pelaburan.

Ditanya jika FTA tidak berjaya sehingga menjadi isu besar bagi Malaysia, Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, perkara itu akan dibincangkan apabila ia berlaku nanti.

Malaysia mengambil pendirian bahawa tiada jangka masa bagi penyelesaian perundingan FTA tetapi AS berharap supaya perjanjian itu dimeterai menjelang Julai ini.

Mengulas mengenai laporan 3,000 permit import (AP) bagi kereta import yang dibaik pulih dikeluarkan jawatankuasa khas Kabinet yang ditugaskan mengeluarkan AP, Abdullah berkata: "Bila terdapat keperluan khusus, ini diambil pertimbangan oleh jawatankuasa berkenaan."

"Tetapi kita tidak mahu ini menjadi perkara biasa. Ia hanyalah bagi sebab-sebab tertentu," katanya.

Jawatankuasa itu mengambil alih kuasa untuk mengeluarkan AP daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri berikutan kontroversi terhadap bilangan AP yang dikeluarkan.

Menjawab soalan kemungkinan tarikh pilihan raya yang dikatakan November ini selepas parti komponen Barisan Nasional (BN) dilihat sudah mula menggerakkan jentera pilihan raya masing-masing, Perdana Menteri berkata:

"Ya ke...bagus bagus," katanya dalam nada sinis.